

PROSEDUR PENGELUARAN TAULIAH PENYEMBELIH

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SELURUH MALAYSIA

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemohon yang layak memohon Tauliah Penyembelih mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a) Beragama Islam;
- b) Sihat akal dan tubuh badan;
- c) Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap Malaysia;
- d) Menghadiri kursus yang ditetapkan; dan
- e) Bekerja di premis penyembelihan yang berdaftar.

2. PROSES PERMOHONAN

2.1 Permohonan

- a) Hendaklah mengisi borang permohonan yang mengandungi maklumat seperti berikut :
 - i. Maklumat pemohon;
 - ii. Maklumat syarikat/majikan;
 - iii. Maklumat premis penyembelihan;
 - iv. Perakuan pemohon; dan
 - v. Perakuan dan sokongan syarikat/majikan.
- b) Menyertakan dokumen sokongan seperti berikut ;
 - i. Salinan kad Pengenalan;
 - ii. Tiga (3) gambar berukuran pasport;
 - iii. Sijil kursus yang ditetapkan;
 - iv. Salinan kad suntikan anti typhoid;
 - v. Salinan lesen premis perniagaan daripada PBT/DVS;
 - vi. Surat lantikan kerja daripada pihak majikan; dan
 - vii. Pelan lokasi premis.
- c) Borang permohonan hendaklah dihantar kembali ke alamat Jabatan Agama Islam di negeri tempat bertugas.

2.2 Kadar Yuran Permohonan

- a) Bayaran permohonan adalah ditetapkan sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia : Seratus sahaja) bagi setiap permohonan untuk tempoh 2 tahun;
- b) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk wang tunai, bank draf, cek, atau wang pos atas nama PENGARAH JAIN/MAIN;
- c) Bayaran pembaharuan tauliah adalah sebanyak RM50.00 dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah laku;
- d) Permohonan pembaharuan selepas tamat tempoh sah laku akan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia : Seratus sahaja);
- e) Bayaran bagi penggantian sijil/kad tauliah baru akan dikenakan sebanyak RM 50.00 (Ringgit Malaysia : Lima puluh sahaja); dan
- f) Bayaran yang dibuat tidak akan dikembalikan.

2.3 Kursus dan Ujian

- a) Peserta hendaklah menghadiri dan mengikuti kursus yang ditetapkan dengan jayanya serta lulus menjalani ujian bertulis/lisan dan amali yang ditetapkan; dan
- b) Bagi peserta yang gagal boleh menduduki semula ujian bertulis/lisan dan amali yang ditetapkan tanpa bayaran tambahan (tidak melebihi dua(2) kali).

2.4 Kelulusan

- a) Tauliah Penyembelih akan dikeluarkan setelah diluluskan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri berkenaan;
- b) Hanya pemohon yang mengikuti kursus dengan jaya dan lulus ujian yang ditetapkan layak dipertimbangkan; dan

- c) Pemohon yang diluluskan akan diberikan “**Sijil dan Kad Tauliah Penyembelih**”.

2.5 Tempoh Sah Laku

Tempoh sah laku Tauliah Penyembelih adalah selama **2 tahun**.

3. SYARAT- SYARAT PEMEGANG TAULIAH PENYEMBELIH

3.1 Syarat Semasa Bertugas

- a) Penyembelih hendaklah menyembelih mengikut hukum Syarak pada setiap masa dan memenuhi keperluan Standard Halal Malaysia yang ditetapkan;
- b) Penyembelih hendaklah memastikan binatang sembelihan dalam keadaan sihat dan masih ada *hayyat mustaqirrah* semasa sembelihan dilakukan;
- c) Binatang sembelihan dikendalikan dengan cara yang sewajarnya sebelum dan selepas sembelihan;
- d) Karkas hendaklah dikendalikan dengan cara yang bersih dan sesuai; dan
- e) Sekiranya pemegang tauliah bertugas sebagai pemeriksa halal Muslim (*Muslim halal checker*), beliau hendaklah melaksanakan tugas-tugas sebagaimana yang ditetapkan mengikut prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

3.2 Syarat Penggunaan Kad Tauliah Penyembelih

- a) Penyembelih hendaklah mempamerkan atau menunjukkan Kad Tauliah Penyembelih sekiranya diminta oleh pihak berkuasa;
- b) Pemegang tauliah penyembelih tidak boleh mengubahsuai, memindah milik, menyalahgunakan atau membenarkan pihak lain menyalahgunakan tauliah tersebut; dan

- c) Kad Tauliah Penyembelih tidak sah untuk digunakan sebagai dokumen untuk menjual/mengedar/mempromosi sembelihan halal dari premis berkaitan.

3.3 Syarat Tempat Bertugas

- a) Tempat bertugas hendaklah sebagaimana pada Sijil dan Kad Tauliah Penyembelih;
- b) Perpindahan tempat bertugas yang melibatkan syarikat yang sama dan di dalam negeri yang sama hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri di negeri berkenaan; dan
- c) Perpindahan tempat bertugas yang melibatkan perpindahan negeri perlu memaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri di negeri tempat baru bertugas dengan membawa bersama Sijil dan Kad Tauliah Penyembelih asal.

3.4 Syarat Umum

- a) Penyembelih hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa semasa pemeriksaan dibuat;
- b) Membuat laporan kepada Jabatan Agama Islam Negeri jika kehilangan Sijil atau Kad Tauliah Penyembelih; dan
- c) Mematuhi etika penyembelih sebagai seorang Muslim.

4. ETIKA PENYEMBELIH

- a) Menunaikan kewajipan sebagai seorang Muslim;
- b) Menghindarkan diri daripada terjebak dengan sebarang gejala negatif ;
- c) Penyembelih hendaklah memakai pakaian menutup aurat, sopan serta sesuai sepanjang tempoh menyembelih;
- d) Menjaga kebersihan diri dan kawasan penyembelihan; dan

- e) Segera memaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri sekiranya berlaku sebarang pelanggaran dari aspek Syarak dan prosedur Pensijilan Halal Malaysia yang dilakukan oleh pihak majikan.

5. PEMBAHARUAN

- a) Penyembelih hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan Tauliah Penyembelih dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah laku;
- b) Permohonan hendaklah dibuat di Jabatan Agama Islam Negeri di mana tempat bertugas; dan
- c) Hendaklah menghadiri mana-mana kursus lanjutan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

6. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

- a) Jabatan Agama Islam Negeri dan JAKIM boleh membuat pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pemegang tauliah penyembelih pada bila-bila masa; dan
- b) Pemantauan atau penguatkuasaan juga boleh dibuat berdasarkan aduan.

7. PEMBATALAN/PENARIKAN BALIK TAULIAH PENYEMBELIH

- a) Pihak Berkuasa Agama Islam yang meluluskan berkuasa menggantung, membatalkan atau menarik balik Tauliah Penyembelih yang dikeluarkan jika terbukti pemegang tauliah telah melanggar Syarat-syarat Pemegang Tauliah Penyembelih sebagaimana yang ditetapkan pada Para 3 atau telah melanggar Etika Penyembelih sebagaimana ditetapkan pada Para 4; dan
- b) Keputusan Pihak Berkuasa Agama Islam adalah muktamad.

MODUL KURSUS TAUJAH PENYEMBELIH

HARI/MASA	8:30 – 9:15 Pagi	9:15 – 11:00 Pagi	11:30 Pagi– 1:00 T/hari	2:30 – 4:30 Petang
HARI PERTAMA	Konsep Ibadah Dalam Islam	Konsep Penyembelihan Dalam Islam	Pengurusan Sembelihan Halal	Sains Dan Perundangan Veterinar
HARI KEDUA	Ujian Amali Sembelihan		Ujian Temuduga/ Bertulis	

RANCANGAN SESI PENGAJARAN

TAJUK	KANDUNGAN	HURAIAN	MASA	AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	RUJUKAN/ABM
Konsep Ibadah Dalam Islam	<p>1) Pengertian Ibadah</p> <p>2) Pembahagian Ibadah</p>	<p>1. Menerangkan Pengertian Ibadah;</p> <p>1.1. Berasal dari perkataan Arab yang membawa maksud merendah diri, tunduk, patuh, taat, menghinakan diri dan memperhambakan diri kepada yang lain.</p> <p>1.2. Menurut istilah syarak: taat, patuh dan merendahkan diri sepenuhnya kepada Allah swt - mengikut peraturan dan suruhan Allah sebagaimana ditetapkan di dalam Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.</p> <p>2. Ibadah Terbahagi Kepada 2:</p> <p>2.1.1 Ibadah Umum : Ibadah umum ialah termasuk segala amalan atau kerja yang baik yang dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah.</p> <p>2.1.2 Ibadah Khusus: Merupakan perintah-perintah yang wajib dilakukan sebagaimana yang terkandung di dalam Rukun Islam seperti solat, puasa, zakat, haji dan beberapa amalan khusus seperti tilawah Al-Quran, zikir dan seumpamanya.</p>	45 Minit	<ul style="list-style-type: none"> • Kuliah • Perbincangan 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Ibadah Fi Al-Islam</i>, Yusuf Al-Qaradhawi

	3) Syarat Ibadah	<p>3. Menerangkan Syarat Ibadah Seperti Berikut:</p> <p>3.1. Iman dan Islam.</p> <p>3.2. Amalan yang dilakukan hendaklah diakui Islam dan bersesuaian dengan hukum Syarak.</p> <p>3.3. Amalan hendaklah dikerjakan dengan niat yang baik bagi memelihara kehormatan diri, menyenangkan keluarga, memafaatkan ummat dan memakmurkan bumi Allah.</p> <p>3.4. Amalan hendaklah dibuat dengan sebaik mungkin.</p> <p>3.5. Ketika melakukan kerja hendaklah sentiasa mengikut hukum-hukum syariat dan batasnya.</p> <p>3.6. Dalam mengerjakan sesuatu ibadah, tidak lalai dari ibadah yang wajib.</p>		
	4) Kerja Sebagai Ibadah	<p>4. Menerangkan Konsep Kerja sebagai Ibadah:</p> <p>4.1. Dalil Dari Surah Al-Taubah Ayat 105 Dan Surah Al-Jum'ah Ayat 10.</p> <p>4.2. Kerja Di Kategori Sebagai Ibadah;</p> <p>a) Apabila bekerja untuk keperluan diri.</p> <p>b) Bekerja untuk keperluan keluarga.</p> <p>c) Bekerja untuk keperluan masyarakat.</p> <p>d) Bekerja untuk memakmurkan bumi Allah.</p>		

<p>Konsep Penyembelihan Dalam Islam</p>	<p>1) Pembahagian Haiwan Halal & Haram Dimakan</p>	<p>1. Menerangkan Pembahagian Haiwan Halal dan Haram Dimakan; 1.1. Haiwan hidup di dalam air. 1.2. Haiwan hidup di darat: 1.2.1. Haiwan ternakan, seperti: kerbau, lembu, unta, kambing dan lain-lain. 1.2.2. Kuda, kijang, himar liar, burung-burung kecil, dan lain-lain.</p> <p>2. Kategori Haiwan Haram Dimakan; 2.1. Haiwan yang diharamkan dalam penjelasan Al-Qur'an iaitu: 2.1.1. Bangkai (al-Maidah, ayat 3) 2.1.2. Daging babi (al-Maidah, ayat 3) 2.1.3. Haiwan sembelihan bukan kerana Allah (al-Maidah, ayat 3) 2.1.4. Haiwan yang dicekik (al-Maidah, ayat 3) 2.1.5. Haiwan yang dipukul (al-Maidah, ayat 3) 2.1.6. Haiwan yang jatuh (al-Maidah, ayat 3) 2.1.7. Haiwan yang ditanduk (al-Maidah, ayat 3) 2.1.8. Haiwan yang telah dimakan haiwan buas (al-Maidah, ayat 3) 2.1.9. Haiwan sembelih untuk berhala (al-Maidah, ayat 3) 2.1.10. Haiwan yang kotor dan jijik (al-'araf, ayat 157)</p>	<p>1 Jam 45 Minit</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kuliah • Perbincangan • Tayangan video 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Fiqh Manhaji</i>, (Terj. Jilid 3) Dr: Mustofa Al-Khin, Dr. Mustafa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbani, Prospecta Printer Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2005. • Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Penyembelihan Binatang Menurut Islam, 2012. • Penyembelihan Halal: Hukum, Teknik dan Kawalan Bakteria, Lokman Ab. Rahman, Percetakan Surya Sdn. Bhd, Melaka, 2002.
---	--	---	-----------------------	--	---

			<p>2.2. Haiwan yang diharamkan dalam penjelasan Hadis iaitu:</p> <p>2.2.1. Binatang buas/ bertaring.</p> <p>2.2.2. Burung yang berkuku tajam.</p> <p>2.2.3. Binatang yang diperintahkan supaya dibunuh.</p> <p>2.2.4. Binatang yang dilarang untuk dibunuh.</p> <p>2.2.5. Binatang yang hidup di 2 (dua) alam.</p> <p>2.2.6. Keldai jinak</p>		
	2) Haiwan <i>Jallalah</i>		<p>1. Menerangkan Tentang Haiwan <i>Jallalah</i>;</p> <p>1.1. Haiwan yang selalunya menjadikan najis sebagai makanannya tetapi turut memakan makanan yang lain selain daripada najis. (Takrifan ulama' Maliki, Syafie dan Hanbali)</p> <p>1.2. Haiwan yang hanya menjadikan najis sebagai makanan asasinya tanpa memakan makanan yang lain. Bau dagingnya juga akan berubah disebabkan pemakanannya yang sedemikian. (Takrifan ulama' Hanafi).</p> <p>2. Hukum Memakan Haiwan <i>Jallalah</i>;</p> <p>2.1. Makruh – Pandangan ulama' Maliki, Hanafi, Syafie</p> <p>2.2. Haram – Pandangan ulama' Hanbali.</p>		

			<p>3. Tempoh Kuarantin Haiwan <i>Jallalah</i>;</p> <p>3.1. Ulama' Syafie – 3 hari kuarantin bagi haiwan seperti ayam, 7 hari kuarantin bagi kambing dan 40 hari kuarantin bagi unta atau lembu.</p> <p>3.2. Ulama' Hanafi – 3 hari kuarantin bagi haiwan seperti ayam, 4 hari kuarantin bagi kambing dan 10 hari kuarantin bagi unta atau lembu.</p> <p>3.3. Ulama' Hanbali – 3 hari kuarantin bagi haiwan seperti ayam, 40 hari kuarantin bagi unta atau lembu.</p>		
			<p>4. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4 - 6 April 2006 telah membincangkan Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal. Muzakarah telah memutuskan bahawa Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya.</p>		

	3) Sembelihan Halal	<p>1. Menerangkan Tentang Pengertian Sembelihan dan Pembagiannya;</p> <p>1.1. Bahasa: Memutuskan, mengerat 1.2. Istilah: Menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan menggunakan alat yang tajam selain dari kuku, gigi dan tulang.</p> <p>2. Jenis-Jenis Sembelihan(<i>Al-Zakah</i>);</p> <p>2.1. Sembelihan ke atas haiwan yang mampu dikuasai;</p> <p>2.1.1. <i>Al-Zabih</i> – Menyembelih di bahagian paling atas leher berdekatan kepala. 2.1.2. <i>Al-Nahr</i> - Menyembelih di penghujung/pangkal leher.</p> <p>2.2. Sembelihan ke atas haiwan yang tidak mampu dikuasai.</p> <p>2.2.1. <i>Al-'Aqr</i> - Menikam bagi mengeluarkan darah mana-mana bahagian badan haiwan yang tidak dapat dikuasai.</p>		
--	---------------------	---	--	--

	<p>4) Dalil Penyembelihan</p>	<p>1. Terdapat beberapa dalil-dalil penyembelihan;</p> <p>1.1. Al-Quran Surah al-An'am 6:118</p> <p>1.2. Dalil Hadis "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan supaya sentiasa bersikap ihsan (baik) terhadap segala sesuatu. Apabila kamu hendak membunuh, maka bunuhlah dengan cara yang paling baik. Apabila kamu hendak menyembelih haiwan, maka sembelihlah dengan cara yang paling baik iaitu dengan menajamkan alat sembelihan dan hendaklah meletakkan haiwan dalam keadaan yang selesa." (Hadis Riwayat Muslim, 10/122, no. 3615)</p>		
	<p>5) Rukum Sembelihan</p>	<p>1. Menerangkan Tentang Rukum Sembelihan iaitu;</p> <p>1.1. Penyembelih</p> <p>1.2. Binatang sembelihan</p> <p>1.3. Alat sembelihan</p> <p>1.4. Proses sembelihan</p> <p>2. Menerangkan Syarat-syarat penyembelih seperti berikut;</p> <p>2.1. Islam, samada lelaki atau perempuan atau kanak-kanak <i>mumayyiz</i>.</p> <p>2.2. Ahli kitab, samada Yahudi atau Nasrani.</p> <p>2.3. Berakal dan berfikiran waras.</p> <p>2.4. Berada dalam ihram haji.</p> <p>2.5. Niat menyembelih kerana Allah.</p>		

		<p>3. Menerangkan Syarat-syarat Binatang Sembelihan seperti berikut;</p> <p>3.1. Binatang halal masih hidup sempurna ketika disembelih (<i>hayat mustaqirrah</i>).</p> <p>3.2. Binatang sihat dan tidak mendatangkan mudarat (berpenyakit, residue kepada orang yang memakannya)</p> <p>4. Menerangkan Syarat-syarat Alat Sembelihan seperti berikut;</p> <p>4.1. Menggunakan alat (pisau) yang tajam selain dari kuku, gigi dan tulang.</p> <p>4.2. Boleh melakukan dan mengalirkan darah haiwan sembelihan.</p> <p>5. Menerangkan Syarat-syarat Proses Sembelihan adalah;</p> <p>5.1. Putus <i>halqum</i> dan urat <i>mari</i> dengan sebab penyembelihan. (Sebaiknya putus empat urat termasuk <i>wadajain</i>.)</p> <p>5.2. Mati dengan sekali sembelihan sahaja.</p> <p>5.3. Sembelihan dilakukan kerana Allah.</p>		
--	--	--	--	--

		<p>6. Menerangkan Perkara Sunat Dalam Penyembelihan:</p> <ul style="list-style-type: none"> 6.1. Membaca <i>tasmiyah</i>. 6.2. Sembelihan dilakukan menghadap ke arah kiblat. 6.3. Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. 6.4. Memutuskan <i>wadajain</i> supaya cepat mati. 6.5. Menggunakan pisau yang tajam. 6.6. Haiwan dibaringkan atas rusuk kiri. 6.7. Melakukan penyembelihan dengan segera. <p>7. Menerangkan Perkara Makruh Dalam Penyembelihan;</p> <ul style="list-style-type: none"> 7.1. Melakukan sembelihan di hadapan binatang lain. 7.2. Melakukan sebarang proses (melapah, memotong, mencabut bulu dll.) sebelum haiwan mati sempurna. 7.3. Mengasah pisau di hadapan haiwan yang hendak disembelih. 7.4. Menyembelih hingga terputus kepala. 		
--	--	--	--	--

	6) Hikmah Sembelihan	<p>1. Menerangkan Hikmah Sembelihan Mengikut Islam:</p> <p>1.1. Membezakan antara daging halal dan haram.</p> <p>1.2. Sebagai tanda penghormatan kepada makhluk-makhluk lain ciptaan Allah.</p> <p>1.3. Dapat mengeluarkan darah dan membersihkan daging darinya bagi menghindarkan penyakit.</p> <p>1.4. Hasil sembelihan itu memberikan kesan positif pada diri muslim dari segi rohani, mental, dan fizikal.</p> <p>1.5. Haiwan yang disembelih tidak terseksa berbanding dengan cara lain.</p> <p>1.6. Boleh mematikan haiwan dengan cara yang cepat dan selamat.</p>		
	7) Ehsan Terhadap Haiwan Dalam Islam	<p>1. Menerangkan Konsep Ehsan Dalam Sembelihan merangkumi;</p> <p>1.1. Peliharaan haiwan.</p> <p>1.2. Pengendalian haiwan.</p> <p>1.3. Penyembelihan haiwan.</p> <p>1.4. Pelupusan haiwan.</p>		

TAJUK	KANDUNGAN	HURAIAN	MASA	AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	RUJUKAN/ABM
Pengurusan Sembelihan Halal	1) <i>Muslim Halal Checker</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan Tentang Tanggungjawab <i>Muslim halal Checker</i>; <ol style="list-style-type: none"> 1.1. Memeriksa operasi <i>stunning</i>. 1.2. Memastikan sembelihan dijalankan sempurna. 1.3. Memastikan pendarahan sempurna. 1.4. Memastikan haiwan mati sempurna sebelum proses melapah(<i>dressing</i>). 1.5. Menguruskan bangkai haiwan/sembelihan tidak sempurna (berekod) 1.6. Memastikan titik kawalan kritikal halal terkawal. 	1 Jam 30 Minit	<ul style="list-style-type: none"> • Kuliah • Perbincangan • Tayangan video 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Majmu'</i> Imam Nawawi. • MS 1500:2009. • Malaysia Protocol For Halal Meat & Poultry Productions. • Penyembelihan Halal: Hukum, Teknik dan Kawalan Bakteria, Lokman Ab. Rahman, Percetakan Surya Sdn. Bhd, Melaka, 2002.
	2) Titik Kawalan Kritikal Halal (Kawasan Sembelihan).	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan bahagian yang berisiko untuk berlakunya ketidakakuran/pencemaran dalam proses sembelihan; <ol style="list-style-type: none"> 1.1. <i>Ante Mortem</i> <ol style="list-style-type: none"> 1.1.1. Kesihatan haiwan sembelihan baik 1.1.2. Pengasingan haiwan mati 1.2. Sembelihan <ol style="list-style-type: none"> 1.2.1. Kawalan <i>stunning</i> (jika ada) 1.2.2. Haiwan dalam <i>hayat mustaqirrah</i> 1.2.3. Pisau tajam dan bersih 1.2.4. Sembelihan mematuhi prosedur 1.3. <i>Post Mortem</i> <ol style="list-style-type: none"> 1.3.1. Tempoh pendarahan mencukupi. 1.3.2. Haiwan mati sempurna sebelum penceluran. 1.3.3. Kawalan air celuran. 			

			<p>1.4. Kawalan Sembelihan Yang Tidak Menepati Syarat Halal</p> <p>1.4.1. Tandakan dengan label 'Haram' / 'Tidak Halal'</p> <p>1.4.2. Pengasingan sembelihan halal dan haram/ tidak halal</p> <p>1.4.3. Prosedur pelupusan</p>		
	3) Etika Penyembelih.	<p>1. Dijelaskan Beberapa Etika Penyembelih Semasa Bertugas;</p> <p>1.1. Menaikan kewajipan sebagai seorang muslim.</p> <p>1.2. Menghindarkan diri daripada terjebak dengan sebarang gejala negatif</p> <p>1.3. Penyembelih hendaklah memakai pakaian menutup aurat, sopan serta sesuai sepanjang tempoh menyembelih</p> <p>1.4. Menjaga kebersihan diri dan kawasan penyembelihan</p> <p>1.5. Segera memaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri sekiranya berlaku sebarang pelanggaran dari aspek Syarak dan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia yang dilakukan oleh pihak majikan</p>			

	<p>4) Syarat dan Peraturan Tauliah Penyembelih</p>	<p>1. Dijelaskan Syarat-syarat Penyembelih Semasa Bertugas; 1.1. Penyembelih hendaklah menyembelih mengikut hukum Syarak pada setiap masa dan memenuhi keperluan Standard Halal Malaysia yang ditetapkan 1.2. Penyembelih hendaklah memastikan binatang sembelihan dalam keadaan sihat dan masih ada <i>hayyat mustaqirrah</i> semasa sembelihan dilakukan 1.3. Binatang sembelihan dikendalikan dengan cara yang sewajarnya sebelum dan selepas sembelihan 1.4. Karkas hendaklah dikendalikan dengan cara yang bersih dan sesuai 1.5. Sekiranya pemegang tauliah bertugas sebagai pemeriksa halal (<i>halal checker</i>), beliau hendaklah melaksanakan tugas-tugas sebagaimana yang ditetapkan mengikut prosedur Pensijilan Halal Malaysia</p> <p>2. Dijelaskan Syarat-syarat Penggunaan Kad Tauliah Penyembelih; 2.1. Penyembelih hendaklah mempamerkan atau menunjukkan Kad Tauliah Penyembelih sekiranya diminta oleh pihak berkuasa 2.2. Pemegang tauliah penyembelih tidak boleh mengubahsuai, memindah milik, menyalahgunakan atau membenarkan pihak lain menyalahgunakan tauliah tersebut 2.3. Kad Tauliah Penyembelih tidak sah untuk digunakan sebagai dokumen untuk menjual/ mengedar/mempromosi sembelihan halal dari premis berkaitan</p>	
--	--	---	--

		<p>3. Dijelaskan Syarat-syarat Tempat Bertugas Bagi Penyerbelih;</p> <p>3.1. Tempat bertugas hendaklah sebagaimana pada Sijil dan Kad Tauliah Penyerbelih</p> <p>3.2. Perpindahan tempat bertugas yang melibatkan syarikat yang sama dan di dalam negeri yang sama hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri di negeri berkenaan</p> <p>3.3. Perpindahan tempat bertugas yang melibatkan perpindahan negeri perlu memaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri negeri tempat baru bertugas. Dengan membawa bersama sijil dan Kad Tauliah Penyerbelih asal.</p> <p>4. Dijelaskan Syarat-syarat Umum Pemegang Tauliah Penyerbelih;</p> <p>4.1. Penyerbelih hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa semasa pemeriksaan dibuat;</p> <p>4.2. Membuat laporan kepada Jabatan Agama Islam Negeri jika kehilangan Sijil atau Kad Tauliah Penyerbelih; dan</p> <p>4.3. Mematuhi etika penyerbelih sebagai seorang Muslim.</p>		
--	--	--	--	--

TAJUK	KANDUNGAN	HURAIAN	MASA	AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	RUJUKAN/ABM
Sauns Dan Perundangan Veterinar	<ol style="list-style-type: none"> 1) Makanan Haiwan 2) Penyakit Bawaan Haiwan 3) Undang-Undang Semasa Berkaitan 4) <i>Animal Welfare</i> 5) Operasi Rumah Sembelih. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Menjelaskan hal-hal berkaitan peraturan makanan haiwan yang berkuasa di Malaysia. 2) Menerangkan jenis-jenis penyakit berpunca dari haiwan yang boleh merebak kepada haiwan dan manusia serta langkah-langkah pencegahannya. 3) Menjelaskan peraturan dan undang-undang semasa berkaitan haiwan dan rumah sembelih di Malaysia. 4) Menerangkan aspek-aspek <i>animal welfare</i> dan peraturan berkaitannya. 5) Menerangkan perihal pemeriksaan ke atas haiwan dan rumah sembelih yang dikendalikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. 	2 Jam	<ul style="list-style-type: none"> • Kuliah • Perbincangan • Tayangan Video 	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993. • Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983. • Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) [Akta 647]. • Kaedah-kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009. • Animal Rules 1962. • Akta Kastam 1967 (Larangan Mengenai Import 1998 (KASTAM) • Akta Kerajaan Tempatan 1967 (Akta 171) dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan.

						<ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan Penyembelihan Korban. • Akta Makanan Haiwan 2009
--	--	--	--	--	--	---

TAJUK	KANDUNGAN	HURAIAN	MASA	AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	RUJUKAN/ABM
Ujian Amali Sembelihan	1) Taklimat Dan Penerangan Berkaitan Sembelihan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan tentang peralatan, mengesan ketajaman alat sembelihan, situasi haiwan sembelihan, tempat sembelihan dan sebagainya. 2. Kesalahan-kesalahan dalam amali sembelihan. 	2 Jam	<ul style="list-style-type: none"> • Latih Amal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pisau. • Haiwan Sembelihan • Pengasah Pisau
TAJUK	KANDUNGAN	HURAIAN	MASA	AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	RUJUKAN/ABM
Temuduga / Ujian Bertulis (optional)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Temuduga 2) Peperiksaan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Soalan temuduga berdasarkan isi kandungan, sesi ceramah, amali sembelihan, pengalaman kerja dan sebagainya. 2. Sesi temuduga berbentuk formal dan tidak formal. 	2 Jam		<ul style="list-style-type: none"> • Set Kertas Soalan. • Senarai Semak Soalan Temuduga

CONTOH BORANG PERMOHONAN Tauliah Penyembelih



Jabatan Agama Islam Negeri,
 Aras 1 & 3, Menara PJH,
 No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,
 62100 Putrajaya.
 Tel : 03 8892 5000
 Faxes : 03 8892 5005

Gambar Pemohon

BORANG PERMOHONAN Tauliah Penyembelih			
BUTIRAN PEMOHON			
Nama		Pendidikan Tertinggi	
No Kad Pengenalan		Pengalaman Menyembelih	(Tahun/Bulan)
Bangsa		Telefon	
Alamat Tetap			
Kursus Penyembelihan Yang Pernah Dihadiri	Nama Kursus	Tarikh	Penganjur
BUTIRAN SYARIKAT			
Nama Syarikat		Telefon	
Nama & Jawatan Pegawai Yang Boleh Dihubungi		Faks	
Alamat		Email	
BUTIRAN PREMIS PENYEMBELIHAN			
Nama Premis		Telefon	
Alamat Premis		Faks	
		Email	
PERAKUAN PEMOHON			
Saya mengakui bahawa semua pernyataan di atas adalah benar. Sekiranya didapati terdapat mana-mana pernyataan di atas adalah tidak benar, saya membenarkan sebarang tindakan diambil ke atas saya.			
Tarikh		Tandatangan	
PERAKUAN DAN SOKONGAN MAJIKAN/SYARIKAT			
Nama Majikan/Syarikat		Tarikh	
Tandatangan		Cop Syarikat	
KEGUNAAN PEJABAT			
Status Permohonan		Diterima	Ditolak
No. Rujukan/Siri			